

Tabung Haji tunai zakat perniagaan lebih RM10j

SHAH ALAM 13 Mac - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini berkenan menerima cek zakat perniagaan berjumlah RM10,129,429 daripada Tabung Haji bagi pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Baginda menerima cek zakat perniagaan berkenaan daripada Pengarah Urusan Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Zakat bagi tahun tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 itu merupakan jumlah tertinggi yang pernah dibayar oleh Tabung Haji kepada negeri lain di seluruh negara malah ia juga merupakan jumlah tertinggi yang pernah diterima oleh LZS setakat ini.

Pemberian zakat perniagaan itu adalah berdasarkan bilangan pendeposit Tabung Haji di Selangor sepanjang tahun lalu iaitu sebanyak 970,795 orang dan jumlah zakat perniagaan keseluruhan Tabung Haji di seluruh negara pula berjumlah lebih RM38 juta.

Upacara penyerahan zakat di Istana Bukit Kayangan di sini turut dihadiri oleh Pengerusi LZS, Tan Sri Anwar Syed Putra Syed Putra Ja-

malullail, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS, Norazharuddin Abu Talib.

Hadir sama ialah, Timbalan Mufti Selangor, Datuk Abdul Majid Omar, Pengarah Tabung Haji Selangor, Md. Ridza Mat Zain serta Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohamed Izam Mohamed Yusof.

Pemberian zakat perniagaan itu adalah berdasarkan bilangan pendeposit Tabung Haji di Selangor sepanjang tahun lalu iaitu sebanyak 970,795 orang dan jumlah zakat perniagaan keseluruhan Tabung Haji di seluruh negara pula berjumlah lebih RM38 juta



SULTAN Sharafuddin Idris Shah (kanan) menerima replika cek wang zakat perniagaan Tabung Haji daripada Ismee Ismail di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, Selangor, semalam.